

EKONOMI

SIA lancar pelan inovasi digital kukuh keupayaan

SYARIKAT penerbangan Singapore Airlines (SIA) melancarkan sebuah pelan tindakan Inovasi Digital semalam sebagai sebahagian daripada program rombakan bagi mengukuhkan keupayaan digitalnya.

Ia dilancarkan dengan kerjasama agensi pemerintah seperti Agensi bagi Sains, Teknologi dan Penyelidikan (A*Star), Penguasa Penerbangan Awam Singapura (CAAS), Lembaga Kemajuan Ekonomi (EDB) dan Universiti Nasional Singapura (NUS).

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SIA, Encik Goh Choon Phong, berkata kerjasama dengan agensi utama itu mencerminkan komitmen SIA membangunkan Singapura sebagai hab digital dalam industri penerbangan dan pelancongan.

Kerjasama dengan empat badan itu dilancarkan di Pusat Latihan SIA semalam, lapor *The Straits Times*.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Perusahaan), Encik S Iswaran merupakan tetamu terhormat.

Kerjasama SIA dengan CAAS dan EDB akan membentuk sokongan bersama bagi memupuk sistem eko penerbangan digital yang rancak.

SIA juga telah menandatangani perjanjian kerjasama penyelidikan dengan A*Star bagi mengenal pasti dan membangunkan peluang kerjasama penyelidikan gunaan dalam bidang-bidang seperti analitik data, teknologi Internet of Things (IoT) dan realiti maya bagi meningkatkan keberkesanan proses pengendalian.

Dua memorandum persefahaman (MOU) juga ditandatangani antara SIA dengan NUS.

Pertama, kedua-dua pihak akan menjalankan projek penyelidikan dan pengembangan (R&D) dalam bidang penerbangan dan pengalaman pelancongan digital.

Kedua, SIA akan bekerjasama dengan NUS Enterprise, cabang keusahawanan NUS, bagi membangunkan

bersama firma teknologi baru dan bakat bagi menghuraikan cabaran perniagaan SIA.

Dalam ucapannya, Encik Iswaran berkata kerjasama syarikat swasta dan awam akan membantu syarikat memanfaatkan keupayaan pelbagai institusi penyelidikan dan universiti bagi membangun dan mengkomersialkan huraian baru.

“Apabila pemimpin industri melaksanakan usaha ini, kesannya akan juga dirasakan dan mempengaruhi seluruh industri.

“Dalam kes ini, SIA akan bekerjasama dengan sistem eko setempat termasuk firma teknologi baru dan syarikat kecil dan sederhana (SME) bagi membangunkan bersama inovasi digital bagi industri penerbangan,” tambahnya.

Lantas, kerjasama ini bukan sahaja memberi faedah bagi kumpulan SIA tetapi juga industri penerbangan, pengangkutan dan sistem eko inovasi Singapura yang lebih luas.



MAJLIS PELANCARAN:
Ketua Pegawai Eksekutif SIA, Encik Goh Choon Phong (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Encik S Iswaran di majlis pelancaran pelan tindakan Inovasi Digital sebagai sebahagian daripada program rombakan bagi mengukuhkan keupayaan digitalnya. – Foto BH oleh GAVIN FOO